

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PERASMIAN KONGRES PEMBANGUNAN MASYARAKAT ISLAM
SARAWAK DALAM MENGHADAPI ALAF BARU SELARAS DENGAN REALITI
BARU, DI DEWAN SANTAPAN, DUN, KUCHING
5 OKTOBER 1999

Saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada pihak penganjur kongres pembangunan masyarakat Islam sarawak ini kerana menjemput saya ke majlis perasmian kongres yang cukup bermakna dalam menghadapi alaf baru bersempena majlis tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan yang ke-42 ini. Sesungguhnya kongres ini diadakan adalah tepat pada masanya di mana masyarakat Islam di Sarawak khasnya boleh melihat dan menilai kedudukan mereka sekarang serta membuat perancangan untuk masa depan secara lebih rasional dan sistematik.

2. Selaku umat Islam, kita mempunyai matlamat hidup yang amat jelas seperti yang diajarkan oleh rasulullah s.a.w. iaitu untuk mendapat kebahagiaan di dunia dan mencapai kebahagiaan di akhirat. Umat Islam semestinyalah menumpukan segala usaha mereka ke arah mencapai matlamat ini yang sesuai dengan kehendak Allah S.W.T. menjadikan manusia sebagai pewaris, pengusaha dan pentadbir alam semesta.

3. Umat Islam haruslah mengambil langkah dan usaha secara berterusan, sambung-menyambung dan bina membina untuk mencapai matlamat duniawi dan ukhrawi. Dengan itu umat Islam akan dapat menyumbangkan secara lebih berkesan ke arah membangun satu bangsa malaysia yang berdaya saing, maju dan bermaruah. Tanggungjawab kita yang utama ialah menjaga agama yang suci ini dengan menentukan bahawa semasa menjalani kehidupan dan perjuangan, kita hendaklah sentiasa terikat dengan agama dalam semua aspek dan menentukan segala tindak tanduk termasuklah budi pekerti, kegiatan dan pekerjaan hari-hari adalah sesuai dengan Islam dan prinsip umum agama kita. Mempertingkatkan kehidupan umat Islam serta mempertahankan kewibawaannya juga adalah termasuk dalam istilah memelihara dan menjaga agama.

4. Islam sentiasa mendorong umatnya supaya menjadikan diri mereka masing-masing sebagai orang yang mempunyai daya tahan dan sanggup menghadapi cabaran dan dugaan. Kehidupan dunia yang penuh dengan berbagai-bagai cabaran sentiasa menjadi dugaan kepada manusia dan bagi seorang muslim, dugaan itu menjadikan dia lebih berazam dan lebih kental dalam setiap perjuangannya.

5. Kemunduran umat Islam di dalam berbagai-bagai bidang kehidupan pada hari ini merupakan unsur-unsur yang boleh membawa kepada kerendahan dan kehinaan mereka sendiri* pergeseran dan pertelagahan yang berlaku di dalam masyarakat Islam pula akan membawa kepada kehancuran umat Islam sendiri dan mengakibatkan kehilangan harga diri. Umat Islam yang sentiasa bertelagah, berselisih faham, berkomfrantasi sesama sendiri, berpecah belah tentulah tidak dapat menjadikan diri mereka satu tenaga yang cukup kuat untuk melaksanakan tugasnya sebagai khalifah Allah di bumi. Justeru itulah kita dapati di sana sini - di dunia hari ini, umat Islam mengalami keadaan yang menyedihkan samada di bidang politik, ekonomi, pelajaran dan lain- lain.

6. Dalam melangkah ke alaf baru, umat Islam pada hari ini haruslah menyedari hakikat mereka yang sebenarnya dan tidak harus lagi leka dengan mimpi-mimpi indah sekiranya kita benar-benar ingin kembali ke zaman kecemerlangan kita dan

terus memainkan peranan-peranan penting sebagai masyarakat teras dalam pembangunan negara. Sudah tentu hasrat yang murni ini dan untuk mencapai ke tahap yang sedemikian tinggi itu, memerlukan umat ini melipat gandakan usaha dari sekarang dan mengubah sikap serta memperkuatkan azam dan tekad.

7. Alhamdulillah, masyarakat Islam di sarawak selaras dengan saranan realiti baru yang disarankan oleh yab ketua menteri Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Abdul Taib Mahmud telah menyedari hakikat ini. Kongres yang diadakan ini dengan matlamatnya yang telah disebutkan oleh yb pengerusi jawatankuasa induk kongres sebentar tadi memberi satu gambaran yang jelas terhadap cita-cita masyarakat Islam di negeri Sarawak untuk membangunkan diri mereka supaya menjadi umat yang berjaya bukan sahaja dalam bidang keagamaan tetapi meliputi bidang-bidang seperti sains dan teknologi. Saya amat gembira kerana kerajaan yang ada hari ini iaitu kerajaan barisan nasional telah berjaya meninggikan syiar Islam di negara ini dan hari ini Malaysia telah dikenali sebagai sebuah negara Islam. Dalam memasuki alaf baru tidak berapa lama lagi, saya harap masyarakat Islam akan terus berjuang tanpa mengenal penat bagi memastikan syiar Islam itu terus bersinar dan menjadi agama yang disegani.

8. Pada hemah saya, masyarakat Islam di Sarawak telah mencapai kejayaan yang besar selama ini termasuklah di bidang pembangunan Islam. Kedudukan umat Islam di sarawak dalam semua aspek sudah jauh berbeza jika dibandingkan di masa sebelum merdeka. Kita semua tahu di segi kehidupan umat Islam di sini pada ketika itu amatlah dha'if. Di segi pendidikan mereka jauh ketinggalan. Anak Islam di Sarawak yang berkelulusan tinggi hanyalah seramai beberapa orang sahaja. Tidak ada pembangunan yang berlaku di sarawak ketika itu.

9. Kita bersyukur, pada tahun 1963, rakyat Sarawak telah menentukan hala tuju masa depan mereka dengan betul iaitu memilih merdeka melalui Malaysia. Dengan kerajaan yang dipilih oleh rakyat serta pemimpin- pemimpin Sarawak yang bersemangat waja yang berjuang dengan penuh kegigihan dan keikhlasan serta rakyatnya yang komited dan bersemangat tinggi telah menjamin sarawak mempunyai kerajaan yang kuat dan stabil. Dengan kesatuan dan persatuan yang jitu, persefahaman dan harmoni di kalangan masyarakat yang berbilang kaum dan kepercayaan agama yang terus dikekalkan dan dipertingkatkan maka Sarawak telah dimajukan, dibangunkan dan dimakmurkan setaraf dengan negeri-negeri lain di Malaysia

10. Sarawak sedang berada di landasan yang baik dan saya amat yakin dengan adanya kepimpinan yang baik dan berwibawa tinggi sekarang ini serta sikap dan tanggungjawab rakyat Sarawak yang membanggakan, negeri sarawak akan mencapai kejayaan yang lebih besar di masa akan datang.

11. Kongres ini diharapkan akan mencapai resolusi- resolusi yang bernas bagi menentukan hal tuju dan program bertindak masyarakat Islam di Sarawak dalam melangkah ke alaf baru yang mendatang. Kita berdoa semoga Allah s.w.t. mendorong cita-cita suci kita ini untuk menjadikan malaysia sebagai sebuah negara maju, makmur dan bahagia seperti yang ditetapkan oleh YAB Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dalam wawasan 2020. Dengan doa dan harapan serta dengan rasa penuh kesyukuran kepada Allah s.w.t., saya merasmikan kongres pembangunan masyarakat Islam Sarawak dalam menghadapi alaf baru selaras dengan realiti baru.

Terima kasih.